

BAB SATU

PENGENALAN

1.	Pengenalan	13
1.2.	Sejarah silat	18
1.3.	Silat dalam sosio budaya Melayu	30
1.4.	Silat dalam sastera Melayu	35
1.5.	Silat dan pahlawan	43
1.6.	Pendidikan silat Melayu tradisi	46

BAB DUA

SENI GAYUNG FATANI MALAYSIA

2.	Sejarah Seni Gayung Fatani	49
2.1.	Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia	54
2.2.	Membangunkan silat Melayu	59
2.3.	Pembangunan pertandingan silat Melayu	62
2.4.	Falsafah dan konsep pendidikan silat Melayu	66
2.4.1.	Falsafah	66
2.4.2.	Huraian sikap pendekar	69
2.4.3.	Konsep Silat	73
2.4.4.	Pandangan hidup	73
2.4.5.	Matlamat pendidikan silat	74
2.4.6.	Moto	75
2.4.7.	Logo	75
2.5.	Pelaksanaan pendidikan silat	76

BAB TIGA

KURIKULUM

3.	Kurikulum silat	79
3.1.	Kurikulum silat tradisi	81
3.2.	Kandungan pelajaran silat tradisi	81
3.3.	Amalan berguru	82
3.4.	Pelajaran silat tradisi	84
3.5.	Gelanggang bangsal silat	85
3.6.	Syarat membina bangsal silat	86
3.7.	Membina gelanggang silat	87

3.8.	Istiadat membuka gelanggang	89
3.9.	Adab gelanggang bangsal silat	92
3.10.	Minyak gelanggang	92
3.11.	Kaedah pendidikan silat tradisi	93
3.12.	Pakaian pesilat	94
3.13.	Istiadat bertamat silat	96
3.14.	Silat sebagai sukan tradisi rakyat	97
3.15.	Balai silat	98
3.16.	Peraturan silat pulut	100
3.17.	Tatacara permainan silat pulut	100
3.18.	Muzik silat baku Melayu	103
3.19.	Kurikulum Baru PSGFM	105
3.20.	Kandungan pelajaran Kurikulum Baru PSGFM	107

BAB EMPAT

KURIKULUM SILAT PSGFM MODERN PIAWAI 2002

4.	Perancangan pembangunan silat	111
4.1.	Kajian membina kurikulum silat	116
4.2.	Prakurikulum dalam sastera Melayu tradisi	117
4.3.	Kepelbagaian dalam sastera Melayu tradisi	127
4.4.	Penulisan silat di Nusantara dan antarabangsa	134
4.5.	Kajian sarjana tempatan	139
4.6.	Perbandingan kajian sarjana Nusantara	148
4.7.	Kurikulum perguruan silat di Malaysia	153
4.8.	Asas kurikulum kea rah piawai Malaysia 2002	155
	4.8.1. Manual muzik silat baku Malaysia	155
	4.8.2. Manual silat olahraga	156
	4.8.3. Manual silat seni	156
	4.8.4. Manual senam silat	157
	4.8.5. Majalah silat di Malaysia	157
4.9.	Pembentukan perguruan silat di Malaysia	162
4.10.	Program pembangunan kurikulum silat di Malaysia	164
4.11.	Ke arah kewujudan kurikulum silat	169
4.12.	Nama kurikulum silat	171
4.13.	Silat Melayu tradisi dan dasar kurikulum silat Malaysia	172
4.14.	Membentuk kurikulum silat	173
4.15.	Ringkasan Kurikulum Silat PSGFM moden piawai 2002	175
4.16.	Sukatan pelajaran silat	177

4.17.	Tujuh tajuk pada tujuh Peringkat	178
4.18.	Tujuh tajuk	180
4.19.	Tiga perkara tunjang ilmu silat	188
4.20.	Proses pendidikan silat	190
4.21.	Nilai-nilai murni dalam silat	191
4.22.	Penerapan nilai-nilai murni merentas Kurikulum Silat	194
4.23.	Nilai-nilai murni melalui budaya silat	199

BAB LIMA

KEROHANIAN SILAT

5.	Kepercayaan dan Kerohanian	203
5.1.	Unsur Animisme	204
5.2.	Pengaruh Hindu Buddhisme	205
5.3.	Pengaruh Islam	206
5.4.	Pengaruh Sekularisme	208
5.5.	Amalan kerohanian silat PSGFM	209
5.5.1.	Amalan	212
5.5.2.	Doa Gelanggang	213
5.5.3.	Wirid Pertama	213
5.5.4.	Wirid Kedua	216
5.5.5.	Wirid Ketiga	218
5.6.	Kaedah beramal	222
5.7.	Aplikasi kerohanian dalam silat	223
5.8.	Pembentukan akhlak dan adab melalui pendidikan silat	224
5.8.1.	Adab murid	224
5.8.2.	Adab berguru	225
5.8.3.	Adab guru	226
5.8.4.	Adab perguruan	227
5.8.5.	Adab gelanggang atau kelas silat	227
5.8.6.	Adab berpersatuan atau pertubuhan	227
5.8.7.	Adab bersendirian	228
5.8.8.	Adab bergaul	228
5.9.	Pengajaran dan pembelajaran silat	229
5.10.	Ujian penilaian silat tradisi	231
5.10.1	Ujian penilaian silat Melayu tradisi	231
5.10.2	Ujian penilaian silat Kurikulum silat PSGFM moden piawai 2002	231
5.11.	Sumbangan kurikulum silat	232

BAB ENAM

HURAIAN KANDUNGAN PELAJARAN SILAT

6.	Tujuh tajuk dalam kurikulum silat	237
6.1.	Bunga silat	239
6.2.	Jurus silat	248
6.3.	Belebat silat	257
6.4.	Tapak silat	260
6.5.	Buah pukul silat	263
6.6.	Tempur seni	271
6.7.	Tempur bela diri	280
6.8.	Pelampas dan motif gerak silat	285
6.9.	Asas silat dalam amalan kehidupan	298
6.10.	Silat dalam tari Melayu	299

BAB TUJUH

KEGURUAN

7.	Keguruan dan guru	303
7.1.	Jurai salasilah keguruan dan guru	310
7.2.	Guru Utama	312
7.3.	Guru Tua	315
7.4.	Dewan Perguruan PSGFM	316
7.5.	Guru dan jurulatih silat	317
7.6.	Peranan guru dan jurulatih Silat	319
7.7.	Penutup	322
	Sejarah bergambar	327
	Rujukan	334

BAB SATU

Silat

Bismillahi Rahmani Rahim

Syukur kepada Allah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sekaian sahabatt beliau. Dengan izin Allah serta dengan limpah kurniaNya dapatlah saya meneruskan usaha menulis dan menterjemahkan ilmu silat untuk semua. Pendahuluan kata sebagai peringatan kepada diriku, sekalian ahli dan keluarga perguruan silat Seni Gayung Fatani Malaysia selaku pengamal silat Melayu agar dapat menggunakan ilmu, masa dan hayat membuat perkara yang mendatangkan manfaat dan kebajikan. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud, *'Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada di dalam kerugian. Kecuali kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan soleh yang nasihat-menasihatkan supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menepati kesabara'* (Al-Ashr. Surat 103).

Inilah mestika di dalam pestaka perbendaharaan perguruan silat Seni Gayung Fatani yang ku ambil daripada guru-guruku untuk tatapan para guru, jurulatih, pesilat dan pencinta silat Melayu. Semoga silat Malaysia dapat melangkah ke tahun 2000 dengan jaya dengan persiapan yang baik bagi keperluan melaksanakan perkhidmatan pendidikan silat yang telus dan setara. Tidak semua ilmu, amalan dan kemahiran silat dapat diperturunkan secara bertulis, maka diharapkan belajarlh melalui guru-guru dari aliran silat Melayu dari yang serumpun dan yang sebenih dengannya.

Perguruan Silat Seni Gayung Fatani merupakan aliran silat Melayu yakni silat asli tempatan versi Malaysia atau seni silat Melayu tradisi Semenanjung Tanah Melayu yang diamalkan dalam masyarakat Melayu di desa-desa di Semenanjung Tanah Melayu dan daerah yang bersempadanan dengannya yang dikenali sebagai silat pulut atau gayung pulut. Perguruan silat Seni Gayung Fatani antara aliran silat gayung pulut. Perguruan silat Seni Gayung Fatani Malaysia antara aliran silat bertaraf anggota badan pendiri Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA Malaysia). Maka menjadi tanggung jawab kepada perguruan ini berusaha membangunkan silat Melayu sebagai memartabatkan silat sebagai seni bela diri rasmi Malaysia. Bagi tujuan tersebut dan dalam pada itu perguruan ini berupaya mengekalkan keaslian silat Melayu, yakni kandungan pelajaran silat yang bebas dari paduan, campuran atau gabungan daripada mana-mana aliran pencak silat, seni bela diri atau seni mempertahankan diri bukan silat. PSGFM telah berjaya mengembangkan silat ke seluruh Negara dan beberapa negara di peringkat antara bangsa. Bagi mengukuhkan ilmu, kefahaman dan amalan silat, maka diterjemahkan isi kandungan pelajaran silat Melayu keada satu kurikulum silat yang telus dan setara yang dapat digunakan secara bersama.

Rahsia ilmu persilatan Melayu yang telah tersimpan dalam perbendaharaan pengetahuan para pendekar dan guru silat, maka sampailah masa menterjemahkan isi kandungan pelajaran silat Melayu untuk kegunaan bersama bagi memudahkan para guru silat dan jurulatih silat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran silat serta meningkatkan mutu perkhidmatan pendidikan silat. Sebagai merasmikan isitadat pembukaan gelanggang bicara ilmu dan amalan silat mengikut adat perguruan silat Seni Gayung Fatani ialah dengan bacaan 'doa pembukaan gelanggang silat' agar segala ilmu, kemahiran dan amalan silat yang diperturunkan mendapat hikmah daripada Allah,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasihani

Ya Allah, sesungguhnya aku persembahkan kepadamu di hadapanku antara kedua tangan ku, pada setiap nafas dan detik dan langkah dan kerlingan dan kerlipan mata dengan segala ahli langit dan bumi dan aku persembahkan segala sesuatu yang terdapat di dalam pengetahuan Mu sama ada yang sedang berlaku atau yang telah berlaku, aku persembahkan di hadapanku kepada Mu ke semuanya itu.

Tiada Tuhan melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah. Semua di dalam setiap detik kerlingan dan kelipan mata, dan nafas sebanyak bilangan yang tersedia ada meliputi di dalam pengetahuan Allah dan RahmatMu wahai yang paling mengasihani dan yang amat penyayang. Amin.

Setiap bangsa mempunyai ilmu seni beladiri atau ilmu seni mempertahankan diri, kepada orang Melayu disebut silat, gayung, pencak atau kali. Lumrah kepada orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu disebutnya silat atau gayung, namun perkataan silat adalah lebih masyhur digunakan. Sebelum perkataan silat digunakan, seni bela diri seni bela diri orang Melayu terlebih dahulu dikenali sebagai ilmu hulubalang, ilmu penjurit atau ilmu gagah berani yang menjadi pakaian pahlawan yang di dalamnya mengandungi rahsia ilmu seni perang Melayu tradisi di mana kaedah mengenai ilmu seni bela diri atau ilmu seni mempertahankan diri merupakan sebahagian daripadanya.

Silat telah berkembang luas meliputi dunia Melayu yang dilingkungi disiplin sejarah dan linguistic (Tuan Ismail Tuan Soh. 1991). Menurut Tate perkataan Melayu ialah merujuk kepada orang Melayu sebagai satu kaum yang bertutur bahasa Melayu dan orang-orang yang mempunyai sifat asas keturunan Melayu yang menduduki daerah Asia Tenggara, kawasan Laut Teduh iaitu Ester Island di sebelah timur hingga ke pulau Madagaskar di sebelah barat (Mee, C.A., 1987) meliputi negara Vietnam, Laos, Kampuchea, Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei dan Malaysia. Istimewanya pada hari ini perkataan Melayu iaitu mereka yang bertutur bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu dan beragama Islam. Manakala kaum rumpun Melayu yang lain masih mengekalkan keturunan mengikut daerah misalannya keturunan Melayu di Minangkabau dikenali sebagai orang Minangkabau, orang Melayu Patani di daerah Pattani dan begitulah yang lain seperti orang Kurinci, orang Banjar, orang Bugis, orang Mendanao, orang Sulu, orang Campa, orang Jawa dan sebagainya seperti dimaklumkan.

Setiap rumpun Melayu telah memberikan nama seni bela diri atau silat mengikut nama keturunan mereka seperti silat Minangkabau, silat Kurinci, silat Jawa, silat Betawi, silat Lintau dan lain-lain. Pada umumnya apabila disebut silat Melayu ialah merujuk kepada silat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Perkataan seni bela diri Melayu telah sebut mengikut dialek atau bahasa kedaerahan masing-masing seperti perkataan silat atau gayung lumrah digunakan oleh masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Sebutan *silek* dan *gayuang* di Sumatra, *penca* dan *maempok* di Jawa Barat. Pencak di Jawa Tengah dan Jawa Timur, mancak di Madura dan Bawean, *encak* di Bali, *mpaa sila* di Dompu dan Nusa Tenggara Barat dan *bermancek* di Bulungan dan Kalimantan, *memencak* di Bugis dan Sulawesi, *akmencak* di suku Makasar serta *basilat* dan *kali* di Mindanao, Filipina. (O' Ong Maryono. 2000).


Dipercayai perkataan silat adalah dari gabungan dua suku kata iaitu *Si* dan *Elat*. *Si* ialah gelaran atau pengganti nama diri kepada orang yang melakukan sesuatu pekerjaan, kelakuan atau sifat fizikalnya seperti Siputih, Sigebu, Situkang, Sipenjala, Sipengelat atau Sipenipu. *Elat* bermakna helah, tipu daya, muslihat, mengeliru atau memperdaya (Tuan Ismail Tuan Soh. 1991). Secara khusus silat ialah nama seni bela diri Melayu. Bersilat ialah orang yang sedang mempamerkan, berlatih, bermain silat. Menyilat atau menyilap bererti perbuatan mengelakkan, memperdayakan atau menyambut serangan yang disertakan dengan serang belas. Kepantasan dan ketangkasan gerakan silat diumpamakan seperti kilat atau kilauan cahaya yang boleh mendatangkan silau atau mengelirukan pandangan mata.

Pada tahun 70an semua kumpulan dan perguruan silat di Malaysia dinasihatkan supaya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 bagi membolehkan pertubuhan dan ahlinya bergerak secara sah. Maka beberapa kumpulan silat dan perguruan silat dari aliran silat Melayu yakni silat tempatan atau seni silat Melayu tradisi Semenanjung telah didaftarkan dengan menggunakan pelbagai nama pertubuhan atau persatuan antaranya seperti Seni Gayung Fatani, Silat Jawi, Silat Bunga, Silat Melayu Asli, Silat Melayu Patani dan sebagainya. Namun para guru dari perguruan aliran silat Melayu masih mempertahankan isi kandungan pelajaran silat dan menggunakan muzik silat yang sama dengan kaedah pendidikan silat tradisi gelanggang bangsal.

Seni Melayu berkembang dalam masyarakat Melayu, khususnya di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu dan di beberapa negara dan daerah bersempadan dengannya. Pelangkauan ruang silat Melayu berlaku sebelum wujud persempadanan negara seperti sekarang ini. Masyarakat Melayu di Semenanjung misalnya memang mempunyai hubungan pertalian darah atau persaudaraan dengan masyarakat Melayu yang mendiami daerah bahagian Selatan Thailand, Sumatera, Kampuchia dan Vietnam yang dikenali sebagai orang Melayu Patani, Kemboja, Campa, Aceh, Sumatera dan sebagainya. Masyarakat Melayu tersebut pernah menempa kecemerlangan sebagai kuasa kerajaan Melayu tradisi di rantau ini. Misalnya kekuasaan Siam di atas kerajaan Melayu Pattani yang berada di utara Semenanjung adalah melalui Perjanjian Burney. 1826 (Nik Anuar Nik Mahmud. 2006). Kejatuhan Kerajaan Melayu tersebut, maka silat Melayu terus berkembang dalam masyarakat Melayu tradisi Semenanjung atau silat versi Malaysia.

Bahawa perkataan pencak dipercayai berasal daripada pada perkataan panca atau manca dalam sebutan orang Melayu Minangkabau yang membawa makna pelajaran silat langkah lima atau Sembilan dan gelombang dua belas bertukar menjadi satu permainan tempur yang di dalamnya terdapat serang dan bela diri sama ada dengan senjata atau tanpa senjata. (Mid. Jamal. 1986). Silat adalah jenis seni bela diri dari rumpun Melayu berada di wilayah Indonesia. Dua perkataan tersebut digabungkan menjadi pencak silat dan telah diiktiraf sebagai seni bela diri asli bangsa Indonesia. Silat telah diciptakan dan diamalkan oleh orang Melayu sejak sebelum kedatangan pengaruh luar. Manusia secara fitrah dapat mempertahankan diri dengan kebijaksanaan akal dan tulang empat kerat dari serangan binatang buas atau sesama manusia. Kaedah kebiasaan atau kelaziman yang dilakukan sewaktu berkelahi telah diperbaiki menjadi ilmu pertarungan yang lebih langkah dan sempurna. Pada masa itu mereka yang mahir dan berani dalam ilmu pertarungan akan menjadi diangkat menjadi ketua dan dihormati sebagai pahlawan, ketua puak atau yang menjadi ketua kepada sesuatu wilayah yang besar. Ilmu seni bela diri atau silat menjadi pakaian pahlawan yang dikenali sebagai ilmu pertarungan, ilmu berkelahi, hulubalang, ilmu penjurit, ilmu kesaktian atau ilmu gagah berani.

Sejak kurun ke 16 iaitu zaman kejatuhan kerajaan Melayu tradisi, penjajah seperti Inggeris di Semenanjung dan Belanda di Indonesia telah meminggirkan institusi ilmu seni perang Melayu tradisi dari istana atau keraton dan digantikan dengan pasukan keselamatan yang berdasarkan system keselamatan mereka. Sejak istana tidak lagi menaungi institusi ilmu seni perang Melayu tradisi, maka orang perang dan pahlawannya meninggalkan istana berundur ke desa membawa bersama amalan dan institusi seni perang Melayu tradisi dan meneruskan perjuangan menentang penjajah. Bagi mengelakkan institusi tersebut daripada dikesan penjajah lalu diwujudkan permainan tradisi rakyat yang berdasarkan ilmu seni perang dinamakan Silat.



**TARIKH PELANCARAN RASMI DI
INTERNET:**

**Sabtu, 28 Mac 2009
12 PM GMT (8 PM di Malaysia)**

**Tempah Buku Ini Pada 28 Mac 2009
Dan Dapatkan BONUS-BONUS HEBAT
Yang Tidak Akan DiBerikan Lagi Selepas
Tarikh Tersebut!**

Sah Pada 28 Mac 2009 SAHAJA!

**Nantikan Kemunculannya.
www.SilatMalaysia.com**